NAIB Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan beramah mesra bersama M Darshanadevi (tengah).

KONVOKESYEN UPM-IPTS

Bijak urus masa

Oleh Hamizah Badiran
hamizah@mediaprima.com.my
Serdang

Bijak menguruskan masa untuk mengulang kaji pelajaran dan aktiviti perbincangan dalam kumpulan membolehkan gadis kelahiran Skudai, Johor, M Darshanadevi, 24, menerima Anugerah Graduan Cemerlang Akademik Peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam Konvokesyen Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), di sini, semalam.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan itu berkata, anugerah dikecapinya itu hasil usaha, disiplin dan pembahagian masa yang efisien ketika mengikuti pengajian di Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics selama empat tahun.

"Saya mempunyai jadual tersendiri dan sentiasa menepati masa terutama membabitkan masa untuk belajar dengan aktiviti luar.

> **"Dengan pengurusan masa yang tepat, saya dapat fokus semua perkara sehingga mampu mencapai keputusan 3.75 Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA)"**
>
> ***M Darshanadevi***

"Dengan pengurusan masa yang tepat, saya dapat fokus semua perkara sehingga mampu mencapai keputusan 3.75 Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA)," katanya.

Selain itu, pengorbanan bapanya yang juga pemandu lori menyara keluarga bersendirian membuatkan Darshanadevi belajar bersungguh-sungguh supaya dapat mengubah nasib pada masa depan.

Dia yang menjadikan kakak sepupunya sebagai idola dalam bidang akademik, gembira kerana kesungguhannya selama ini membuahkan hasil.

Berkongsi petua mengulang kaji pelajaran, Darshanadevi akan mempersiapkan diri dengan melakukan bahan rujukan awal sebelum ke kelas bagi mendapatkan pemahaman lanjut daripada pensyarah.

Sementara itu, majlis Konvokesyen Program kerjasama UPM-IPTS kali ke-15 membabitkan 257 graduan program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma daripada UPM dan enam IPTS.

IPTS terbabit adalah kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics, Kolej Universiti Bestari, Kolej Universiti Shahputra, Kolej Teknologi Timur, Kolej Uniti dan Kolej Risda.